

“Saya dapat melihat bagaimana bapa saya dijaga dengan baik oleh pasukan perubatan dan dengan rawatan, kesihatannya bertambah baik. Pengalaman tersebut memberi saya dorongan untuk menjadi seorang doktor.”

– Dr Nadia Nasuha Mohammad Nazri.



MAHU SUMBANG: Dr Nadia Nasuha Mohammad Nazri menceburi kerjaya kedoktoran kerana ia adanya peluang menyumbang kepada masyarakat. – Foto HOSPITAL BESAR CHANGI

Penyakit barah ayah suntik semangat ceburi bidang perubatan

SETIAP kejayaan pastinya bermula dengan satu impian.

Bagi Dr Nadia Nasuha Mohammad Nazri, impian menjadi seorang doktor berputik setelah menerima berita bapanya menghidapi barah hidung.

Dr Nadia yang ketika itu berusia 12 tahun, amat terkesan apabila mendapat tahu tentang berita tersebut.

Namun kegelisahan yang dirasakannya itu terlerai setelah menyaksikan dedikasi yang dipaparkan doktor serta kakitangan hospital dalam memastikan bapanya itu menerima penjagaan sempurna.

Beliau malah berasa kagum dengan pengorbanan kakitangan penjagaan kesihatan dan disebabkan itu, Dr Nadia telah menanam cita-cita untuk menceburi bidang perubatan.

“Saya dapat melihat bagaimana bapa saya dijaga dengan baik oleh pasukan perubatan dan dengan rawatan, kesihatannya bertambah baik.

“Pengalaman tersebut memberi saya dorongan untuk menjadi seorang doktor,” katanya, 24 tahun.

Impian dan minat dalam bidang perubatan yang dipupuk lebih 12 tahun lalu kini menjadi kenyataan.

Beliau kini menabur bakti di Hospital Besar Changi (CGH) bersama jabatan ortopedik sebagai seorang doktor pelatih selepas tamat pengajian dan menerima ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dalam majlis konvokesyen semalam.

Kerjaya sebagai seorang doktor juga memberi beliau peluang untuk menyumbang kepada masyarakat.

“Saya mahu menceburi kerjaya di mana saya akan dilengkapi dengan kemahiran yang boleh memberi kesan langsung kepada orang lain.

“Dan saya yakin, kerjaya sebagai seorang doktor akan memberi saya peluang mencapai impian ini,” jelasnya.

Menyentuh tentang cabaran yang perlu diharungi sepanjang tempoh pengajiannya selama lima tahun, Dr Nadia berkata laluan menjadi seorang doktor bukanlah tanpa likuliknya.

Menurut beliau, mempelajari bi-

dang perubatan memerlukan perseediaan dan latihan intensif, terutama dari segi teori dan memahami pelbagai istilah perubatan.

“Terdapat beberapa waktu itu, ia menjadi sangat sukar untuk menyerap apa yang dipelajari dalam masa yang singkat.

“Namun pada masa yang sama, saya tahu apa yang saya belajar itu sangat diperlukan, kerana apabila saya mula bekerja, saya akan memikul tanggungjawab besar.

“Oleh itu saya perlu pastikan saya mampu mengaplikasikan apa yang telah saya pelajari untuk menggalas tugas saya sebagai seorang doktor dengan selamat,” ujaninya.

Memandang hadapan, Dr Nadia berharap dapat meraih pengalaman yang luas dalam bidang perubatan dan menemukan bidang khusus yang sesuai dengan minatnya dan boleh dijadikan kepakarannya.

Beliau bertambah: “Selepas menemui bidang khusus ini, mungkin saya mahu melanjutkan pengajian saya di peringkat lebih tinggi untuk menambah ilmu yang lebih mendalam lagi.”